



Langkah proaktif kawal penyakit serang pokok getah



MOHD. KHAIRUDDIN AMAN RAZALI

Oleh AMREE AHMAD 19 Januari 2021, 4:31 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi mengambil pelbagai langkah proaktif bagi kawal jangkitan penyakit pestalotiopsis di pokok getah.

Inisiatif tersebut dilaksanakan melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi memastikan pokok getah lain tidak diserang penyakit luruhan daun ketara itu selain tidak mengikut musim.

Menterinya, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, kesannya itu menyebabkan tompok berwarna coklat pada daun dan mengakibatkan pengeluaran lateks berkurangan.

"LGM sudah buat rawatan semburan racun kulat di daun dijangkiti dan beri khidmat nasihat kepada pekebun kecil bagi menghapuskan jangkitan," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Racun kimia itu, ujar beliau, dengan bahan kandungan aktif seperti propiconazole, benomyl, chlorothalonil, mancozeb dan propineb didapati berkesan merencatkan pertumbuhan kulat.

Katanya, Jawatankuasa Pestalotiopsis peringkat kebangsaan ditubuhkan tahun lepas bagi menyelaraskan tindakan secara menyeluruh bagi kawalan penyakit dan permasalahan berkaitan.

Ia turut disertai Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Pertanian, Jabatan Kimia, Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil, Persatuan Pemilik Estet Malaysia dan sebagainya.

"Penyakit ini dikesan LGM sejak 2017 dan sehingga Disember lalu, seluas 18,813 hektar diserang di seluruh negara kecuali Pulau Pinang, Perlis dan Sabah," katanya..


Jelas beliau, penyakit itu turut menyerang negara pengeluar lain seperti Indonesia yang melibatkan 387,000 hektar, Thailand (122,530 hektar), Sri Lanka (20,000 hektar) dan India (300 hektar).

Beliau memberi jaminan bahawa Kementerian itu menerusi LGM dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan akan terus berusaha bagi pengawalan penularan penyakit berkenaan.


Katanya, pekebun boleh menghubungi pejabat LGM yang berdekatan atau mengajukan sebarang pertanyaan mengenai isu tersebut kepada e-mel general@lgm.gov.my. – UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA


by




Bekas MB Terengganu, isteri positif Covid-19




Sopak pun, sopaklah




'2,500 profesor kita tiada kualiti' – Dr. Arshad




Penghantaran Percuma atas Pesanan Lebih Da...




Pulut 'lepa' Wan Hasmah laris musim PKP




Semua majikan beroperasi dalam PKP...



Tiga sekawan berdepan



Kian Meng-Pei Jing



Bank lanjutkan tawaran

Zakat Wang Simpanan

Wang yang disimpan di dalam akaun simpanan samada simpanan tetap, simpanan semasa, ASB serta lain-lain bentuk simpanan di bank atau mana-mana Institusi kewangan.

Zakat dikenakan 2.5% daripada jumlah baki simpanan pada hujung hawl dalam bersamaan atau melebihi nisab.

Contoh:
Simpanan Tahun 2020
(Baki akhir x 2.5%)

KLIK DI SINI

Terima Kasih Pembayar Zakat
 Anda Hero Asnaf


PPZ Pusat Pengalan Zakat
www.zakat.com.my
1 300 88 5757

POPULAR




32,386 pelajar di Kedah mulakan sesi persekolahan bersemuka

20 Januari 2021, 1:59 pm



Henti buat spekulasi kematian Dr. Ali Noor – Noor Hisham

20 Januari 2021, 1:56 pm



40,801 mulakan sesi pembelajaran bersemuka di Perak
20 Januari 2021, 1:53 pm

Tajuddin bin Abdul Rahman telah menjalani ujian saringan Covid-19 dan telah di sahkan positive pada hari ini.

Tajuddin Rahman positif Covid-19
20 Januari 2021, 1:49 pm

Pada mereka yang mempunyai kontak rapat dgn beliau, eloklah melakukan ujian saringan covid-19

Dato' Sri Haji Tajuddin memohon maaf di atas sebarang kesulitan dan berterima kasih kpd

IKLAN PRODUK ANDA DI SINI

Utusan Malaysia Kosmo!

Hubungi kami
sales@mediamulla.com.my

LANGGAN SEKARANG UNTUK AKSES BERITA PREMIUM

KLIK SINI

BERITA BERKAITAN



32,386 pelajar di Kedah mulakan sesi persekolahan bersemuka

20 Januari 2021, 1:59 pm



Henti buat spekulasi kematian Dr. Ali Noor – Noor Hisham

20 Januari 2021, 1:56 pm





40,801 mulakan sesi pembelajaran bersemuka di Perak

20 Januari 2021, 1:53 pm

Tajuddin bin Abdul Rahman telah menjalani ujian saringan Covid-19 dan telah di sahkan positive pada hari ini.

Pada mereka yang mempunyai kontak rapat dgn beliau, eloklah melakukan ujian saringan covid-19

Dato' Sri Haji Tajuddin memohon maaf di atas sebarang kesulitan dan berterima kasih kpd

Tajuddin Rahman positif Covid-19

20 Januari 2021, 1:49 pm



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2020 Media Mulia Sdn. Bhd.
Terma dan Syarat
Hubungi Kami